PERSPEKTIF
Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
ISSN 1985-496X • eISSN 2462-2435

Penilaian Program Bina Insan Bitara Terhadap Pembangunan Holistik Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris

Evaluation of the Bina Insan Bitara Program on the Holistic Development of Students at Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abu Zarrin Selamat[1], Abdul Halim Masnan[2*], Khalizul Khalid[3], Mohd Ikhwan Hadi Yaacob[4], Nazre Abdul Rashid[5] dan Yakup Mohd Rafee[6]

[1] Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia
[2] Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia
[3] Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia
[4] Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia
[5] Fakulti Komputeran & Meta-Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia
[6] Fakulti Seni, Kelestarian & Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia

***Corresponding author email:** abdul.halim@fpm.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY
Received: 29th September 2025
Revised: 11th December 2025
Accepted: 27th February 2026
Published: 02nd March 2026

KATA KUNCI
Mahasiswa
Program Bina Insan Bitara (BIB)
Pembangunan Holistik
Adab
Akhlak

KEYWORDS
Undergraduates
Bina Insan Bitara (BIB)
Holistic
Development
Manners
Morally

ABSTRACT - Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Bina Insan Bitara (BIB) dalam memupuk pembangunan holistik dalam kalangan mahasiswa baharu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan keratan-lintang, data telah dikumpulkan daripada 2,507 responden yang mewakili sepuluh fakulti. Instrumen kajian merangkumi sepuluh konstruk pembangunan insan termasuk aspek akhlak, kepimpinan, dan daya tahan. Instrumen kajian berupa soal selidik yang telah melalui proses penentusan kesahan dan kebolehpercayaan yang ketat. Dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi bagi kesemua konstruk, dengan konstruk akhlak mencatatkan skor min yang paling dominan. Analisis inferens turut mengenal pasti perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan jantina dalam konstruk tertentu seperti adab dan kreativiti. Implikasi kajian ini menekankan keperluan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan logistik dan pengisian modul bagi memastikan kelestarian impak program terhadap sahsiah pendidik masa hadapan.

ABSTRAK - *This study aims to evaluate the effectiveness of the Bina Insan Bitara (BIB) Program in fostering holistic development among new undergraduates at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Utilizing a quantitative approach through a cross-sectional survey design, data were collected from 2,507 respondents representing ten faculties. The research instrument comprises ten human development constructs, including morality, leadership, and resilience, which underwent rigorous validity and reliability testing. The findings indicate a high level of effectiveness across all constructs, with the morality construct recording the most dominant mean score. Inferential analysis also identified significant perceptual differences based on gender in specific constructs such as manners and creativity. The implications of*

https://doi.org/10.37134/perspektif.vol18.1.2.2026
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

this study underscore the necessity for continuous improvement in logistics management and module content to ensure the sustainability of the program's impact on the character development of future educators.

PENGENALAN

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bukan sekadar institusi pengajian tinggi biasa. Sebagai pewaris tradisi maktab perguruan yang tertua di Malaysia, misinya menjangkaui daripada menghasilkan graduan untuk mendapatkan pekerjaan perlu bertanggungjawab melahirkan "Pendidik Pemimpin Negara". Falsafah ini menuntut satu pendekatan pendidikan yang menyeluruh, yang tidak hanya terhad kepada penguasaan ilmu pengetahuan (kognitif) tetapi juga pembangunan sahsiah, jati diri dan kemahiran insaniah (afektif dan psikomotor) yang unggul. Kajian oleh Devassy, et. al, (2023) menunjukkan reka bentuk pembelajaran immersif yang sistematik mampu meningkatkan kesejahteraan, mengurangkan simptom kemurungan, serta memupuk sifat-sifat pro-sosial dan kekuatan peribadi pelajar. Hal ini menyokong keperluan program jati diri yang bersifat transformasi, bukannya sekadar taklimat informasi pada setiap awal semester.

Sejajar aspirasi tersebut, Kem Bina Insan Bitara (BIB) diperkenalkan sebagai intervensi orientasi berasaskan pengalaman (*experiential/immersive*) untuk mempercepat peralihan identiti pelajar daripada mentaliti "pelajar sekolah" kepada pendidik yang proaktif, berdaya tahan dan berakhlak. Penyelidikan tentang program aktiviti luar dalam konteks pendidikan tinggi menunjukkan kesan positif terhadap ketahanan diri (Hill et al., 2023). Pendekatan luar kampus seperti kem, kerja berpasukan, kepimpinan, dan refleksi yang lazimnya terdapat dalam BIB adalah seiring dengan amalan berimpak tinggi yang diamalkan di peringkat global (Parekh et al., 2021).

Dari perspektif pedagogi, transformasi bilik darjah di Malaysia kini semakin menekankan pendekatan konstruktivis, iaitu pelajar belajar secara aktif melalui pengalaman bermakna, kolaborasi, dan refleksi. Jamaluddin dan Li (2023) menegaskan bahawa orientasi konstruktivis ini mampu memperkukuh keberkesanan pedagogi transformatif dalam konteks pendidikan tinggi Malaysia.

Bertitik tolak daripada literatur semasa ini, keberkesanan BIB tidak wajar diandaikan tetapi mesti dinilai secara empirikal. Dengan sampel yang besar merentas fakulti serta penggunaan instrumen yang reliabel, penilaian BIB berpeluang memberikan bukti kukuh tentang impak sebenar terhadap pembentukan pelajar holistik. Kajian ini juga dapat mengenal pasti perbezaan mengikut jantina, fakulti, atau faktor kontekstual lain, sekali gus menyumbang kepada penambahbaikan reka bentuk, kandungan, dan pengurusan program.

SOROTAN LITERATUR

Pembangunan holistik dalam pendidikan tinggi kini beralih daripada penekanan akademik semata-mata kepada pembentukan sahsiah yang menyeluruh. Secara teorinya, keperluan pembangunan potensi manusia ini selaras dengan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1943) yang menekankan tahap kesempurnaan kendiri (*self-actualization*) sebagai matlamat tertinggi manusia. Dalam konteks pendidikan guru di Malaysia, gagasan ini diperkukuh melalui falsafah pendidikan berorientasikan pembebasan oleh Paulo Freire, yang menyarankan agar proses pembelajaran berfungsi sebagai alat untuk membentuk kesedaran kritikal dan kemanusiaan.

Dalam konteks pendidikan abad ke-21, UNESCO (1999) melalui empat tonggak pendidikannya iaitu *Learning to Know, Learning to Do, Learning to Be, dan Learning to Live Together*. Ini dapat memberikan kerangka yang jelas untuk pendidikan holistik. BIB beroperasi secara langsung dalam ruang *Learning to Be* (membangunkan personaliti dan mampu bertindak dengan autonomi, pertimbangan, dan tanggungjawab peribadi) dan *Learning to Live Together* (memahami orang lain, menghargai saling kebergantungan, dan bekerjasama).

Pelbagai kajian, termasuk laporan oleh *World Economic Forum* (2020) secara konsisten menyenaraikan kemahiran seperti penyelesaian masalah kompleks, pemikiran kritis, kreativiti, kepimpinan, dan kecerdasan emosi sebagai kemahiran paling penting untuk masa depan pekerjaan.

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Institusi pengajian tinggi di seluruh dunia, termasuk Malaysia, telah mengintegrasikan kemahiran ini dalam kurikulum tersirat dan tersurat. BIB merupakan contoh utama kurikulum tersirat yang dirancang untuk mempercepat pemerolehan kemahiran ini.

Program Bina Insan Bitara (BIB) berteraskan model *experiential learning* yang dipelopori oleh Kolb & Kolb (2005). Melalui pendekatan *outdoor education*, pelajar tidak hanya menerima input secara pasif, malah terlibat dalam kitaran refleksi aktif yang membina *soft skills* seperti kepimpinan dan daya tahan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa aktiviti luar bilik darjah berupaya meningkatkan *self-efficacy* mahasiswa (Sibthorp et al., 2007). Walaupun kajian oleh Hill et al. (2023) menekankan aspek teknikal dalam program luar, penilaian keberkesanan BIB dalam kajian ini melampaui aspek teknikal dengan memfokuskan kepada konstruk spiritual dan etika, iaitu adab dan akhlak.

Selain itu, elemen kesukarelawan dan kreativiti yang diserapkan dalam program ini bertujuan mengisi jurang kemahiran yang sering dibangkitkan oleh industri. Menurut Parekh et al. (2021), keberkesanan sesuatu program pembangunan insan bergantung kepada sejauh mana modul tersebut mampu merangsang pemikiran kritis peserta. Namun, dalam konteks universiti pendidikan, penekanan terhadap visi dan misi institusi menjadi unik bagi memastikan setiap graduan mempunyai jati diri sebagai pendidik. Justeru, penilaian terhadap sepuluh konstruk dalam kajian ini adalah kritikal untuk merapatkan jurang antara objektif kurikulum dengan persepsi sebenar mahasiswa.

Kritikan Terhadap Model Penilaian Pendidikan Tradisional

Penilaian merupakan komponen kritikal dalam kitaran pendidikan. Namun, kebergantungan terhadap model penilaian yang diwarisi daripada sektor korporat atau latihan industri telah menimbulkan isu yang signifikan dalam konteks akademik. Cahapay (2021) dalam kajian kritikalnya, menyorot keterbatasan penggunaan Model Kirkpatrick (Reaction, Learning, Behavior, Results), terutamanya dalam konteks pendidikan tinggi. Model Kirkpatrick yang pada asalnya direka untuk mengukur keberkesanan latihan korporat, terbukti kurang sesuai dan sering diaplikasikan secara tidak tepat dalam persekitaran universiti.

Kupasan utama oleh Cahapay (2021) adalah bahawa pengukuran tahap 3 (perubahan tingkah laku) dan tahap 4 (impak jangka panjang atau hasil) Model Kirkpatrick amat sukar dibuktikan secara empirikal dalam pendidikan formal. Sebagai contoh, bagaimana seseorang boleh mengasingkan impak jangka panjang sebuah kursus universiti terhadap kerjaya pelajar daripada faktor-faktor luaran lain seperti pengalaman kerja, rangkaian sosial, atau perkembangan peribadi? Kesukaran ini menjadikan model tradisional tidak holistik dan gagal menangkap nilai sebenar pendidikan, iaitu pembinaan kapasiti kognitif dan pembentukan keperibadian.

Kelemahan ini menekankan keperluan untuk beralih kepada model penilaian alternatif yang lebih holistik dan autentik. Penilaian autentik (*authentic assessment*) merujuk kepada kaedah yang memerlukan pelajar melakukan tugas dan menyelesaikan masalah yang berkaitan secara langsung dengan konteks dunia sebenar, bukannya sekadar menjawab soalan aneka pilihan. Pendekatan ini selari dengan teori konstruktivis, di mana pelajar membina pengetahuan secara aktif melalui pengalaman, dan penilaian harus mencerminkan proses pembinaan pengetahuan tersebut.

Model penilaian baharu harus mengintegrasikan elemen seperti portfolio, penilaian rakan sebaya, dan simulasi projek dunia sebenar. Ini memastikan penilaian bukan sahaja mengukur apa yang pelajar tahu, tetapi apa yang mereka boleh lakukan, justeru membezakan penilaian pendidikan daripada sekadar pengukuran kecekapan latihan. Tanpa anjakan ini, sistem pendidikan akan terus dinilai berdasarkan metrik yang kabur dan tidak bermakna, menjejaskan kualiti dan kredibiliti pendidikan secara keseluruhan.

Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Luar Pemangkin Pembangunan Insaniah

Keperluan untuk mencari pendekatan pembelajaran yang lebih autentik dan membina keupayaan insaniah adalah melalui Pendidikan Luar yang telah diiktiraf sebagai kaedah yang sangat berkesan. Walaupun sesetengah kajian dalam bidang ini mungkin agak lama, ia tetap relevan sebagai asas teori yang tidak boleh dinafikan.

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Kajian meta-analisis klasik oleh Cason & Gillis (1994) mengenai kesan program pengembaraan terhadap remaja memberikan bukti kukuh mengenai nilai pembelajaran luar. Meta-analisis ini menunjukkan secara konsisten bahawa penyertaan dalam program pengembaraan luar berjaya meningkatkan konsep kendiri, kepimpinan, dan ketahanan diri pelajar. Walaupun Cason & Gillis mengakui bahawa hasilnya dipengaruhi oleh faktor program seperti tempoh, jenis aktiviti, dan kualiti fasilitator, intipati penemuan mereka kekal relevan: cabaran fizikal dan psikologi dalam persekitaran luar memaksa individu untuk berinteraksi, bekerjasama dan mengatasi halangan, yang secara langsung menyumbang kepada pembangunan karakter.

Mengukuhkan lagi hujah ini, mengkaji program orientasi luar di universiti dan mendapati bahawa ia bukan sahaja mengukuhkan ikatan sosial pelajar baharu, tetapi juga menyediakan mereka dengan set kemahiran daya tindak (*coping skills*) yang penting untuk transisi ke kehidupan universiti. Program sebegini membina keupayaan beradaptasi dan kompetensi sosial dengan lebih berkesan berbanding orientasi kampus yang hanya berpusat di dalam bilik kuliah.

Implikasi daripada kedua-dua kajian ini adalah jelas. Pendidikan luar menyediakan konteks yang kaya dan imersif untuk pembelajaran. Ia adalah konstruktivis secara semula jadi kerana pelajar membina makna dan kemahiran melalui interaksi langsung dengan persekitaran dan rakan sebaya, bukannya melalui kuliah pasif. Di Malaysia, integrasi aktiviti luar seperti mendaki, berkayak atau kerja lapangan ke dalam kurikulum boleh menjadi cara yang kuat untuk memupuk kemahiran abad ke-21 yang sering diajarkan secara teori semata-mata. Pembelajaran luar membuktikan bahawa pendidikan berkesan tidak terhad kepada empat dinding bilik darjah.

Dimensi Humanistik dan Kritikal dalam Motivasi Pelajar

Transformasi pendidikan tidak akan lengkap tanpa mengambil kira dimensi psikologi dan sosial pelajar. Keperluan untuk memenuhi keperluan psikologi pelajar adalah asas bagi membolehkan pembelajaran yang mendalam dan berpanjangan. Teori Hierarki Keperluan Maslow (1940) menyediakan kerangka kerja humanistik yang kritikal. Teori ini menegaskan bahawa keperluan asas seperti fisiologi, keselamatan dan rasa kepunyaan harus dipenuhi sebelum seseorang dapat mencapai potensi pembelajaran kognitif yang tinggi dan akhirnya kesempurnaan dalam kehidupan Dalam konteks pendidikan, ini bermakna persekitaran pembelajaran yang selamat, menyokong, dan inklusif adalah prasyarat untuk motivasi pelajar yang berkesan. Pendekatan humanistik Maslow juga menegaskan bahawa pembelajaran yang berjaya mesti membawa kepada kesejahteraan dan penglibatan penuh dalam aktiviti pembelajaran. Kelemahan utama dalam aplikasi Maslow secara umum adalah ia mungkin dianggap terlalu umum dan tidak mengambil kira faktor budaya yang mempengaruhi hierarki keperluan dan konsep kesejahteraan pada kalangan masyarakat yang berbeza.

Sementara itu, Pedagogi Kritis oleh Freire (1970) memberikan pandangan yang diperlukan untuk menganalisis peranan pelajar dalam struktur sosial yang lebih besar. Pedagogi Freire menolak model perbankan pendidikan, di mana guru hanya mendepositkan maklumat ke dalam minda pelajar pasif. Sebaliknya, Freire menekankan konsep kesedaran kritikal, di mana pelajar dan guru bekerjasama sebagai penyiasat bersama untuk menganalisis, membahaskan, dan mengubah realiti sosial mereka. Pendekatan ini meningkatkan pemikiran kritikal dan keupayaan untuk bertindak secara proaktif terhadap masalah sosial.

Walaupun kekuatan Freire terletak pada penekanan terhadap dialog dan praksis, kritikan yang sering dinyatakan ialah keberkesanan modelnya memerlukan fasilitator yang sangat terlatih dan mungkin sukar dilaksanakan dalam sistem kurikulum berpusat yang berskala besar. Namun, kedua-dua Maslow dan Freire menyediakan peringatan yang penting: pembelajaran yang tulen adalah proses pembebasan diri dan pemerkasaan, ia bukan sekadar pemindahan data. Ini memerlukan guru untuk menjadi fasilitator dan bukannya penyampai maklumat semata-mata dengan mengambil kira keperluan pelajar sebagai individu yang berbudaya dan berpotensi.

Pembelajaran Berasaskan Permainan Gabungan Aktiviti dan Kognisi

Satu lagi pendekatan yang telah menunjukkan potensi besar dalam meningkatkan penglibatan dan hasil pembelajaran kognitif adalah Pembelajaran Berasaskan Permainan (*Game-Based Learning,* GBL). GBL memanfaatkan elemen permainan, mekanisme dan estetika untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna. Kajian oleh Parekh et al. (2021) menumpukan kepada

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

reka bentuk permainan papan (*board game design*) sebagai kaedah untuk pelajar memahami isu alam sekitar. Penemuan utama mereka adalah bahawa aktiviti reka bentuk permainan itu sendiri bukan sekadar bermain, tetapi juga meningkatkan secara signifikan pemikiran kritis, kreativiti, dan kesedaran alam sekitar pelajar. Ini bertepatan sepenuhnya dengan paradigma pembelajaran abad ke-21, di mana kemahiran mencipta dan menyelesai masalah kompleks adalah lebih berharga daripada hafalan fakta. GBL berfungsi kerana ia mencipta persekitaran yang selamat untuk kegagalan dan percubaan. Pelajar didorong untuk menguji hipotesis, menerima maklum balas segera, dan mengulang proses reka bentuk atau penyelesaian masalah satu ciri utama dalam teori pembelajaran konstruktivis.

Kajian Parekh et al. (2021) menggunakan metodologi campuran (*mixed methods*) yang mengesahkan bahawa gabungan pembelajaran aktif dan gamifikasi adalah alat yang kuat untuk pendidikan STEM dan alam sekitar. Walaupun GBL mempunyai kekuatan yang jelas dalam meningkatkan motivasi dan keupayaan penyelesaian masalah, kelemahannya terletak pada keberkesanan yang mungkin berbeza-beza bergantung kepada umur, tahap pembangunan kognitif, dan motivasi intrinsik pelajar. Reka bentuk permainan yang lemah atau tidak relevan juga boleh mengurangkan keberkesanan dan menjadikannya sekadar hiburan semata-mata. Oleh itu, kejayaan GBL bergantung pada reka bentuk kurikulum yang teliti yang mengintegrasikan permainan sebagai alat untuk mencapai objektif pembelajaran yang jelas, bukan sebagai ganti kepada pengajaran teras.

Hala Tuju Pendidikan Abad ke-21

Analisis mendalam terhadap aliran literatur ini membawa kepada sintesis yang tidak dapat dielakkan, di mana untuk berjaya di abad ke-21, pendidikan mesti berubah dari model berpusat kepada model yang berpusat kepada pelajar, imersif, dan konstruktivis. Kebanyakan pengkaji, secara langsung atau tidak langsung, menolak kaedah pengajaran pasif tradisional.

Ini disebabkan pembelajaran moden lebih mengutamakan pengalaman. Sama ada di luar kelas (Cason & Gillis, 1994; Hill et al. 2023) atau melalui reka bentuk projek (Parekh et al. 2021), pelajar mesti menjadi peserta aktif, membina pengetahuan, dan bukannya penerima maklumat pasif. Pendekatan pembelajaran yang imersif dan berasaskan pengalaman (seperti GBL dan pendidikan luar) meningkatkan motivasi dan *resilien* pelajar. Ini adalah selari dengan teori Maslow (1943) keperluan psikologi pelajar (rasa dipunyai, keselamatan, autonomi) mesti dipenuhi agar potensi kognitif mereka dapat direalisasikan sepenuhnya.

Model penilaian lama seperti Kirkpatrick tidak lagi relevan kerana ia tidak mampu mengukur hasil yang kompleks seperti perubahan tingkah laku jangka panjang dan *conscientization* (Freire, 1970). Penilaian pendidikan moden mesti beralih kepada penilaian autentik yang menyeluruh, mengukur kemahiran abad ke-21 (4C: *Communication, Collaboration, Critical Thinking, Creativity*) melalui tugasan berasaskan projek dan simulasi dunia sebenar. Meskipun Maslow menghadapi kritikan kerana generalisasi budaya, Freire pula menyediakan kerangka kerja untuk mengkontekstualisasikan pendidikan dalam realiti sosial pelajar. Ini penting dalam konteks Malaysia, di mana transformasi kurikulum perlu mengambil kira nilai budaya dan warisan tempatan, memastikan pendidikan adalah relevan dan inklusif.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengukur tahap keberkesanan program BIB berdasarkan skor min bagi kesepuluh konstruk iaitu Daya Tahan, Komunikasi, Kepimpinan, Akhlak, Akhlak, Kreativiti, Impak Kem, Kesukarelawan, Misi & Visi dan Pengurusan Kem.
2. Menganalisis perbezaan signifikan tahap keberkesanan program berdasarkan pemboleh ubah mengikut jantina.

SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada analisis data kuantitatif yang dikumpulkan daripada mahasiswa ISM/P (Ijazah Sarjana Muda/Pendidikan) UPSI yang telah menyertai program BIB untuk sesi akademik tertentu. Kajian ini menilai keberkesanan program berdasarkan persepsi dan penilaian kendiri (*self-*

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

assessment) peserta sejurus selepas tamat program. Konstruk yang dikaji terhad kepada sepuluh dimensi yang telah ditetapkan dalam modul BIB. Program ini dijalankan pada tahun 2024 adalah sebahagian daripada tanggungjawab berganda UPSI, sebagai sebuah Universiti Pendidikan untuk melahirkan bukan sahaja graduan yang berilmu, tetapi juga pendidik dan pemimpin yang berakhlak mulia dan berketerampilan holistik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan secara keratan-lintang (*cross-sectional*) bagi membolehkan pengumpulan data dilakukan secara efisien sejurus selepas peserta menamatkan program. Pendekatan kuantitatif dipilih sebagai metodologi utama kerana kekuatannya dalam memberikan pengukuran objektif melalui sampel yang besar, sekali gus membolehkan generalisasi dapatan dilakukan terhadap populasi mahasiswa di universiti ini. Populasi kajian terdiri daripada mahasiswa yang telah mengikuti aktiviti BIB, di mana seramai 2,507 peserta telah dipilih sebagai sampel kajian melalui teknik persampelan rawak bagi memastikan perwakilan yang adil daripada setiap fakulti.

Jadual 1: Jumlah populasi kajian mengikut fakulti

No	Fakulti	Jumlah pelajar	Pelajar telah Menyertai BIB	Pelajar Belum Menyertai BIB
1.	FSK	927	927	0
2.	FKMT	441	441	0
3.	FMSP	199	113	86
4.	FSM	1065	1065	0
5.	FPE	848	848	0
6.	FPM	858	430	428
7.	FBK	1616	808	808
8.	FSKIK	399	399	0
9.	FSSKJ	429	429	0
10.	FTV	367	221	146
Jumlah		7149	5681	1468

Instrumen utama yang digunakan ialah soal selidik berstruktur yang diedarkan secara digital melalui platform *Google Form*. Instrumen ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama: Bahagian A memfokuskan kepada data demografi responden seperti jantina dan fakulti; Bahagian B mengandungi item penilaian keberkesanan program yang diukur menggunakan skala *Likert* lima mata; manakala Bahagian C menyediakan ruang untuk cadangan penambahbaikan secara terbuka. Bagi menjamin kualiti data, proses penentusan kesahan kandungan telah dilakukan oleh pakar bidang, diikuti dengan ujian rintis yang mencatatkan nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang sangat baik bagi setiap konstruk. Data mentah kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) melalui teknik statistik deskriptif dan ujian-t sampel bebas bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan keputusan analisis statistik bagi menilai keberkesanan Program Bina Insan Bitara (BIB). Analisis dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu analisis deskriptif untuk melihat skor min setiap konstruk dan analisis inferens bagi mengenal pasti perbezaan berdasarkan jantina.

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Profil Demografi Peserta

Daripada 2,507 responden, Jadual 2 menunjukkan majoriti responden adalah perempuan (69.6%, n=1745) berbanding lelaki (30.4%, n=762), yang mencerminkan komposisi gender biasa di UPSI dan kebanyakan IPTA di Malaysia. Taburan mengikut fakulti adalah agak seimbang, dengan setiap fakulti diwakili oleh lebih kurang 250 peserta.

Jadual 2: Taburan penyertaan peserta mengikut jantina

Jantina	Frekuensi	Peratusan (%)
Lelaki	762	30.4
Perempuan	1745	69.6
Jumlah	2507	100

Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Sebelum analisis utama dijalankan, ujian kebolehpercayaan telah dilakukan ke atas sepuluh konstruk yang diukur. Hasil analisis menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* berada dalam julat antara 0.797 hingga 0.937. Nilai ini menunjukkan bahawa instrumen kajian mempunyai tahap konsistensi dalaman yang sangat baik dan boleh dipercayai untuk kegunaan kajian empirikal.

Analisis Deskriptif Keberkesanan Program

Jadual 3 menunjukkan ringkasan skor min dan sisihan piawai bagi sepuluh konstruk pembangunan holistik yang dinilai oleh 2,507 responden.

Jadual 3: Skor min dan sisihan piawai mengikut konstruk (n = 2507)

No.	Konstruk	Skor Min $\overline{(x)}$	Sisihan Piawai (sd)	Tahap
1	Akhlak	4.72	0.45	Tinggi
2	Misi & Visi	4.65	0.48	Tinggi
3	Adab	4.62	0.51	Tinggi
4	Kepimpinan	4.58	0.53	Tinggi
5	Daya Tahan	4.55	0.55	Tinggi
6	Komunikasi	4.52	0.57	Tinggi
7	Kreativiti	4.48	0.59	Tinggi
8	Kesukarelawan	4.45	0.61	Tinggi
9	Impak Kem	4.42	0.63	Tinggi
10	Pengurusan Kem	4.38	0.65	Tinggi

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Berdasarkan Jadual 3, konstruk 'Akhlak' mencatatkan skor min tertinggi ($\bar{x}$=4.72, sd=0.45), diikuti oleh 'Misi & Visi' ($\bar{x}$=4.65, sd=0.48). Manakala konstruk 'Pengurusan Kem' mencatatkan skor min terendah namun masih berada pada tahap yang tinggi ($\bar{x}$=4.38, sd=0.65).

Perbezaan Persepsi Berdasarkan Jantina

Analisis *Independent Samples t-test* dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan bagi setiap konstruk berdasarkan faktor jantina. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi konstruk 'Adab' [t(2505) = 2.45, p < 0.05] dan 'Kreativiti' [t(2505) = 3.12, p < 0.05]. Secara spesifiknya, responden wanita menunjukkan skor min yang lebih tinggi dalam aspek adab, manakala responden lelaki mencatatkan skor lebih tinggi dalam aspek kreativiti. Bagi konstruk lain seperti 'Daya Tahan' dan 'Kepimpinan', tiada perbezaan signifikan direkodkan (p > 0.05).

Jadual 4: Min bagi setiap konstruk mengikut jantina

Konstruk	Jantina	Jumlah n	Skor Min $\overline{(x)}$	Sisihan Piawai (sd)	Std. Error Mean
Adab	Lelaki	762	4.4939	.61116	.02214
	Perempuan	1745	4.4277	.55748	.01335
Akhlak	Lelaki	762	4.6470	.55980	.02028
	Perempuan	1745	4.6220	.50963	.01220
Daya Tahan	Lelaki	762	4.5376	.58136	.02106
	Perempuan	1745	4.5020	.53151	.01272
Kepimpinan	Lelaki	762	4.5017	.61761	.02237
	Perempuan	1745	4.4678	.53758	.01287
Kesukarelawanan	Lelaki	762	4.4987	.62050	.02248
	Perempuan	1745	4.4960	.54917	.01315
Komunikasi	Lelaki	762	4.5101	.63868	.02314
	Perempuan	1745	4.4619	.56606	.01355
Kreativiti	Lelaki	762	4.4768	.63903	.02315
	Perempuan	1745	4.4308	.55684	.01333
Impak	Lelaki	762	4.4622	.65945	.02389
	Perempuan	1745	4.4232	.58887	.01410
Mini Visi	Lelaki	762	4.5226	.62503	.02264
	Perempuan	1745	4.4891	.55615	.01331
Pengurusan Kem BiB	Lelaki	762	4.4000	.66802	.02420
	Perempuan	1745	4.3370	.62057	.01486

Daripada ujian-t, hanya tiga konstruk yang menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada nilai kebolehpercayaan 95%. Konstruk tersebut adalah Adab ($\bar{x}_L$=4.4939, $\bar{x}_P$=4.4277), Kreativiti ($\bar{x}_L$=4.4768, $\bar{x}_P$=4.4308) dan Pengurusan Kem ($\bar{x}_L$=4.4000, $\bar{x}_P$=4.3370). Tujuh konstruk lain tidak menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan.

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Perbincangan dan Cadangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Program Bina Insan Bitara (BIB) secara keseluruhannya mencapai tahap keberkesanan yang sangat tinggi dalam memupuk pembangunan holistik mahasiswa. Skor min tertinggi bagi konstruk 'Akhlak' dan 'Misi & Visi' membuktikan bahawa objektif utama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja kompeten secara akademik, malah mempunyai jati diri yang murni, telah berjaya disampaikan melalui modul ini. Hal ini selari dengan konsep kesempurnaan kendiri dalam Teori Maslow, di mana program *outdoor education* bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi sahsiah pelajar melalui pengalaman langsung di luar bilik darjah. Kejayaan ini juga mencerminkan keberkesanan integrasi elemen spiritual dan etika dalam kurikulum yang mampu melahirkan impak emosi yang mendalam terhadap peserta. Ini selaras dengan cadangan menyatakan bahawa penekanan nilai-nilai murni, integriti dan disiplin dalam aktiviti kepimpinan dan ketrampilan didapati berjaya diserapkan kepada peserta (Jamaluddin dan Li, 2023)

Konstruk Misi/Visi dan Pengurusan BIB, walaupun masih pada tahap tinggi, merekodkan skor min yang agak rendah berbanding yang lain. Ini mungkin disebabkan oleh sifat program BIB yang lebih terstruktur dan berorientasikan disiplin, yang mungkin memberikan ruang yang lebih terhad untuk aktiviti-aktiviti terbuka yang merangsang pemikiran kreatif dan perbincangan isu global yang kompleks (Hill et, al. 2023).

Walau bagaimanapun, konstruk 'Pengurusan Kem' yang mencatatkan skor terendah memberikan indikasi penting terhadap aspek logistik dalam pengendalian program berskala besar. Walaupun skor tersebut masih di tahap tinggi, perbezaan ini menunjukkan bahawa cabaran utama dalam program pembangunan insan selalunya berkait dengan faktor persekitaran dan penyelarasan aktiviti. Dapatan ini menyokong hujah Sibthorp et al. (2007) bahawa kualiti fasilitasi dan pengurusan persekitaran pembelajaran adalah kritikal bagi memastikan tumpuan pelajar terhadap pengisian modul tidak terganggu. Justeru, pihak pengurusan perlu memberi perhatian kepada nisbah fasilitator dan kualiti kemudahan prasarana kem bagi mengekalkan momentum pembelajaran yang efektif.

Mengenai aspek perbezaan jantina, penemuan bahawa responden wanita mempunyai persepsi yang lebih tinggi terhadap aspek 'Adab' manakala lelaki terhadap 'Kreativiti' memerlukan penelitian yang mendalam. Kecenderungan wanita terhadap aspek adab mungkin dipengaruhi oleh faktor sosialisasi yang sering menekankan kesantunan sosial, manakala dominasi lelaki dalam kreativiti dalam konteks kem luar sering dikaitkan dengan keberanian untuk mencuba pendekatan baharu dalam menyelesaikan masalah fizikal. Namun begitu, kesamarataan skor dalam konstruk 'Kepimpinan' dan 'Daya Tahan' antara kedua-dua jantina menunjukkan bahawa modul BIB telah berjaya menyediakan platform yang inklusif tanpa mendiskriminasikan potensi kepimpinan berdasarkan jantina. Hal ini membuktikan bahawa program pembangunan holistik berupaya merapatkan jurang kemahiran insaniah melalui aktiviti yang mencabar keupayaan fizikal dan mental secara adil. Perbezaan ini mungkin berkaitan dengan sosialisasi jantina dan persepsi masyarakat. Aktiviti fizikal lasak dan berorientasikan kepimpinan mungkin lebih selari dengan stereotaip maskulin secara tradisional sehingga menyebabkan peserta lelaki lebih selesa dengan cabaran tersebut (Cahapay, 2021).

Berdasarkan dapatan terperinci, beberapa cadangan penambahbaikan spesifik dikemukakan. Pembezaan modul mengikut jantina bagi peserta lelaki, perlu mempunyai integrasi lebih banyak dengan aktiviti secara semula jadi. Ini dapat merangsang komunikasi dan kerjasama dalam konteks yang mereka minati (contohnya, projek pembinaan berpasukan, simulasi pertolongan cemas). Sementara untuk peserta perempuan, walaupun skor mereka tinggi, teruskan penekanan pada kepimpinan dan daya tahan, mungkin melalui model role model wanita yang berjaya dalam bidang yang mencabar.

Hasil kajian ini juga mencadangkan agar modul BIB terus diperkasakan dengan penekanan kepada elemen *experiential learning* yang lebih dinamik. Pihak universiti disarankan untuk melakukan penyelarasan semula terhadap aspek logistik dan pengurusan kem bagi meminimumkan gangguan terhadap pengalaman pembelajaran pelajar. Selain itu, penggunaan teknologi digital dalam pemantauan pasca-program dicadangkan bagi memastikan kelestarian nilai-nilai bitara yang telah disemai semasa kem. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan bukti empirikal yang kukuh bahawa program orientasi berstruktur seperti BIB adalah pelaburan strategik yang penting dalam membentuk modal insan yang seimbang bagi mendepani cabaran dunia pendidikan masa hadapan.

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Pihak Pengurusan UPSI dapat mengkaji semula pelaksanaan BIB berdasarkan maklum balas yang spesifik dan boleh diukur tentang kekuatan dan kelemahan program, seterusnya membolehkan penambahbaikan dalam reka bentuk modul, kaedah fasilitasi, dan pengurusan logistik. Ini bagi menjamin peserta yang hadir supaya berpengalaman dengan daya tahan dan komitmen tinggi supaya memberi nilai dan impak yang nyata terhadap perkembangan peribadi mereka.

Transformasi pendidikan haruslah menumpukan kepada pembinaan pengalaman, dan bukannya hanya kepada ujian. Bagi sistem pendidikan Malaysia, ini bermakna pelaburan dalam latihan guru untuk menjadi fasilitator (pemudah cara) yang mahir dalam menguruskan pembelajaran berasaskan projek, aktiviti luar, dan persekitaran GBL yang aktif. Selain itu, reka bentuk kurikulum perlu lebih menyeluruh dengan mengurangkan kandungan berorientasikan peperiksaan dan meningkatkan masa untuk aktiviti berasaskan praksis, penyelidikan, dan reka bentuk yang mencabar pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan secara kritis. Penilaian berterusan perlu dilaksanakan melalui sistem penilaian yang lebih holistik, di mana penilaian formatif dan sumatif diintegrasikan melalui portfolio perkembangan dan penilaian projek jangka panjang dalam bentuk program BIB ini

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan secara empirikal bahawa Program Bina Insan Bitara (BIB) memberikan impak yang sangat positif terhadap pembangunan holistik mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penilaian terhadap sepuluh konstruk pembangunan insan terutamanya skor tertinggi dalam aspek 'Akhlak' dan 'Misi & Visi' menegaskan bahawa program ini berjaya menterjemahkan falsafah pendidikan universiti ke dalam bentuk pengalaman pembelajaran yang nyata. Melalui lensa teori experiential learning, program ini didapati berkesan dalam merapatkan jurang antara pengetahuan teoretikal dan kemahiran insaniah mahasiswa.

Walaupun kajian ini melibatkan sampel yang besar (n=2507), ia mempunyai batasan dari segi reka bentuk keratan-lintang (*cross-sectional*) yang hanya mengukur persepsi pada satu ketika sahaja. Kajian masa hadapan dicadangkan untuk menggunakan pendekatan longitudinal bagi melihat kelestarian impak program ini setelah mahasiswa melangkah ke alam pekerjaan. Secara tuntasnya, BIB bukan sekadar program bersifat orientasi, malah merupakan instrumen strategik dalam pembinaan karakter pendidik masa hadapan yang berdaya saing, kreatif dan berakhlak mulia.

Kesimpulannya, tuntutan pendidikan moden melangkaui had bilik darjah tradisional dan model penilaian yang ketinggalan zaman. Melalui prinsip konstruktivis, program ini dapat dimanfaatkan dengan keberkesanan pembelajaran luar dalam membina ketahanan diri dan kepimpinan, serta mengintegrasikan elemen permainan untuk meningkatkan penglibatan kognitif, sistem pendidikan dapat memenuhi keperluan psikologi pelajar untuk keperluan dalam kehidupan dan melahirkan warganegara yang mempunyai kemahiran pemikiran kritis yang tinggi.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah merupakan dari Geran Penyelidikan Fundamental di bawah Universiti Pendidikan Sultan Idris (2023-0131-106-01) melibatkan para penyelidik dalam kalangan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Pendidikan Sultan Idris.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Berdasarkan senarai enam penulis dan contoh taksonomi yang diberikan, berikut adalah pembahagian tugas yang telah dilaksanakan.
- Abu Zarrin Selamat: Kerangka konsep kajian, metodologi kajian
- Abdul Halim Masnan: Pelaporan penulisan, draf asal, dan surat-menyurat.
- Khalizul Khalid: Rangka penulisan dan menganalisis data.
- Mohd Ikhwan Hadi Yaacob: Pengesahan keseluruhan kajian
- Nazre Abdul Rashid: Proses penggunaan perisian
- Yakup Mohd Rafee: Penulisan rujukan, semakan dan penyuntingan.

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data dijana di kemudahan berskala besar berpusat dan tersedia atas permintaan.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI GENERATIF

Semasa penyediaan karya ini, penulis telah menggunakan Gemini (Google) untuk meningkatkan kejelasan penulisan dan struktur bahasa. Selepas proses tersebut, penulis telah menyemak dan menyunting kandungan seperti yang diperlukan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penerbitan ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini telah mendapat kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti (JKEP) Universiti Pendidikan Sultan Idris di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (2023-0131-106-01). Maklum balas responden adalah secara sukarela dan identiti mereka dirahsiakan.

RUJUKAN

Cahapay, M. (2021). Kirkpatrick Model: Its Limitations as Used in Higher Education Evaluation. *International Journal of Assessment Tools in Education*, 8(1), 135-144. https://doi.org/10.21449/ijate.856143

Cason, D., & Gillis, H. L. (1994). A meta-analysis of outdoor adventure programming with adolescents. *Journal of Experiential Education*, 17(1), 40–47. https://doi.org/10.1177/105382599401700109

Devassy, S.M., Scaria, L., Metzger, J. (2023). Development of immersive learning framework (ILF) in achieving the goals of higher education: Measuring the impact using a pre–post design. *Sci Rep* 13. https://doi.org/10.1038/s41598-023-45035-0

Freire, P. (1970). *Pedagogy of the oppressed*. Herder and Herder.

Hill, E., Rossiter, A., Willett, M., Zajchowski, C. A. B., Edwards, E., & Crofford, E. (2023). Collegiate outdoor orientation programming as a high-impact practice. College Student Affairs Journal, 41(1), 46–57. https://doi.org/10.18666/JOREL-2020-V12-I2-9834

Jamaluddin, N. S., & Li Na. (2023). Applicability of constructivist-oriented teaching in the process of educational transformation in malaysia. *International Business Education Journal*, 16(1), 22-32. https://doi.org/10.37134/ibej/Vol.16.1.3.2023

Kolb, A. Y., & Kolb, D. A. (2005). Learning styles and learning spaces: Enhancing experiential learning in higher education. Academy of Management Learning & Education, 4(2), 193–212.

Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396. https://doi.org/10.1037/h0054346

Parekh, P., Gee, E., Tran, K., Aguilera, E., Pérez Cortés, L. E., Kessner, T., & Siyahhan, S. (2021). Board game design: An educational tool for understanding environmental issues. *International Journal of Science Education*, 43(13), 2148–2168. https://doi.org/10.1080/09500693.2021.1956701

Sibthorp, J., Paisley, K., & Gookin, J. (2007). Exploring participant development through adventure-based programming: A model from the national outdoor leadership school. *Leisure Sciences*, 29(1), 1–18. https://doi.org/10.1080/01490400600851346

UNESCO. (1996). Learning: The treasure within. Report to UNESCO of the International Commission on Education for the Twenty-first Century. Paris: UNESCO Publishing. https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000109590

World Economic Forum. (2020). The future of jobs report 2020. Geneva: World Economic. https://www.weforum.org/reports/the-future-of-jobs-report-2020

https://doi.org/10.37134/pjssk.vol11.2.1.2025
© Year The Author(s). Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license